



# SIARAN MEDIA

---

## NRES BERI SOKONGAN PENUH PEMBANGUNAN LENGGONG GEOPARK

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) selaku Peneraju dan Pengerusi Jawatankuasa Geopark Kebangsaan memberi sokongan penuh terhadap usaha pembangunan Lenggong Geopark.

YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam berkata, sebanyak RM4 juta peruntukan telah diluluskan kepada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Perak di bawah Rolling Plan pertama (RP1) hingga ketiga (RP3) (2021-2023) Rancangan Malaysia ke-12 bagi pelaksanaan kajian dan penyelidikan aspek geologi di Lenggong.

“Kementerian turut memperuntukkan RM1.1 juta melalui Projek Berskala Kecil Di Bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA) bagi menaiktaraf infrastruktur di Lenggong Geopark,” katanya sewaktu sembah ucapan pada Majlis Pemasyhuran Lenggong Geopark dan Perasmian Galeri Lenggong Geopark.

Majlis Pemasyhuran dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah.

Menurut Nik Nazmi, hasil kerja naik taraf seperti pemasangan struktur promosi iaitu *billboard*, penunjuk arah, mercu tanda dan papan maklumat di geotapak, tapak biodiversiti, tapak sejarah dan budaya serta pusat penerangan komuniti Lenggong Geopark ini dapat menarik kedatangan pelancong.

Dalam perkembangan lain, kata Nik Nazmi, Kementerian dengan kerjasama JMG Perak dan Penasihat Lenggong Geopark iaitu Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr Mokhtar Saidin telah berjaya membangunkan Galeri Lenggong Geopark yang turut sama dirasmikan pada hari ini.

Selain itu, pembangunan Galeri Lenggong Geopark yang ditaja oleh Yayasan Al-Bukhary, menunjukkan bahawa Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) turut bertanggungjawab melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam membantu pembangunan Lenggong Geopark.

Galeri ini telah berjaya menarik seramai kira-kira 2,500 orang pengunjung sejak pembukaan Galeri Lenggong Geopark pada 16 Disember 2023 sehingga Februari 2024.

Pemasyhuran Lenggong Geopark ini juga merupakan salah satu usaha dalam pemeliharaan kelestarian alam semulajadi dan pengurusan lestari kawasan berkepentingan kebangsaan yang memiliki nilai geotapak luar biasa seiring dengan Agenda Pembangunan Nasional dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)  
9 MAC 2024**